

PERJANJIAN PEMBELIAN KOMODITI DAN PERLANTIKAN WAKIL PEMBELIAN

Perjanjian Pembelian Komoditi ini ("Perjanjian ini") dibuat pada ____ haribulan____ 201____ di antara

- a. _____ ("Pemohon") di pihak yang pertama dan
- b. Koperasi _____ ("KOPERASI") sebuah Koperasi yang daftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 di pihak kedua.

(Pemohon dan KOPERASI, kesemuanya selepas ini dirujuk sebagai "pihak-pihak" dan secara individu dirujuk sebagai "pihak" yang mana terpakai)

BAHAWASANYA

- a. Berdasarkan Syarat-syarat dan Terma-terma yang terkandung di dalam Borang Permohonan Pembiayaan Al-Tawarruq yang diterima, KOPERASI dengan ini bersetuju menyediakan kemudahan pembiayaan mengikut prinsip Syariah Murabahah-Tawarruq.
- b. Di bawah Syarat-syarat dan Terma-terma yang terkandung di dalam Borang Permohonan, kedua-dua pihak akan memeterai Perjanjian Pembelian Komoditi di mana Pemohon akan membeli Komoditi yang akan dikenal pasti oleh KOPERASI pada harga jualan KOPERASI.

DENGANINI DIPERSETUJUI seperti yang berikut:

- a. Pemohon dengan ini memohon untuk membeli komoditi yang akan dikenal pasti tertakluk kepada Syarat-syarat dan Terma-terma yang terkandung di dalam Borang Permohonan dan juga Perjanjian ini.
- b. Pemohon juga berakuanji membeli komoditi tersebut pada Harga Jualan KOPERASI dengan pembayaran secara bertangguh.
- c. Harga Jualan KOPERASI perlu dibayar mengikut kaedah yang ditetapkan oleh KOPERASI.
- d. Semua Syarat-syarat dan Terma-terma yang dinyatakan mengikat pihak-pihak yang terlibat, warisnya, wakil diri dan pengantinya.

PERLANTIKAN WAKIL PEMBELIAN

Pemohon dengan ini melantik KOPSYA sebagai wakil untuk menyempurnakan akad pembelian komoditi tersebut bagi pihak Pemohon mengikut kontrak. Pemohon bersetuju mematuhi segala Syarat-syarat dan Terma-terma yang ditetapkan.

PENGESAHAN:

Ditandatangani oleh

Pemohon:

()

dalam kehadiran :

()

Ditandatangani oleh

bagi pihak KOPSYA:

()

dalam kehadiran :

()